

18 JUN 2002
MCA-AGM/I
MCA TUNDA AGM KE 27 JULAI, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) MCA yang dijadualkan pada 29 Jun akan ditunda ke 27 Julai untuk membolehkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikannya, kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata bagaimanapun AGM Pemuda dan Wanita MCA akan diteruskan mengikut jadual asal pada 28 Jun dan begitu juga pencalonan bagi anggota jawatankuasa parti pada 24 Jun (1 hingga 5 petang).

"Perdana Menteri akan merasmikan AGM MCA, tetapi oleh kerana lawatan rasmi beliau ke Venezuela dan Thailand, beliau meminta kita menunda AGM itu ke 27 Julai (Sabtu)," kata Dr Ling kepada pemberita selepas mempengerusikan Jawatankuasa Khas sembilan anggota yang mengawasi pelaksanaan pelan damai dalam MCA.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek, kesemua empat naib presiden MCA iaitu, Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy serta Setiausaha Agung Parti Datuk Seri Dr Ting Chew Peh.

Dr Ling berkata usul penundaan itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pusat (CC) yang dijadualkan bermesyuarat pada 24 Jun (Isnin) bagi kelulusan.

Dr Ling juga berkata jawatankuasa khas sembilan anggota dalam mesyuarat hari ini memutuskan untuk melantik Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy untuk membantu Jawatankuasa Penyelia Pemuda yang mempunyai tiga anggota yang diketuai oleh Wang Choon Wing untuk menyelesaikan masalah sayap wanita.

"Ia satu keputusan sebulat suara oleh jawatankuasa dan mereka (Ong dan Chan) akan duduk bersama jawatankuasa tiga anggota itu untuk menyelesaikan isu-isu pemuda melalui rundingan," katanya.

Ong dan Chan diberi tugas menyelesaikan isu-isu berkaitan sayap pemuda di peringkat negeri dan kebangsaan, khasnya memastikan senarai tunggal anggota jawatankuasa pemuda di beberapa negeri dan juga di peringkat kebangsaan apabila tempoh khidmat barisan anggota jawatankuasa pemuda yang ada sekarang tamat hujung bulan ini.

Di bawah pelan damai MCA, pemilihan parti akan dijalankan seperti biasa tetapi kedua-dua puak dalam parti perlu mencari jalan untuk memastikan wujudnya senarai tunggal anggota jawatankuasa, untuk mengekalkan status-quo di bawah agenda keamanan dan kestabilan yang disyorkan oleh Dr Mahathir bagi MCA.

Sehingga sekarang, Pemuda MCA di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang masih belum dapat mencapai satu senarai anggota jawatankuasa masing-masing kerana perbalahan antara puak-puak dalam pergerakan itu.

Mengenai cadangan ketua pemuda Datuk Ong Tee Keat yang telah digantung jawatannya, supaya ahli perniagaan Tan Sri Lim Kok Wing yang membantu menderaf agenda keamanan MCA yang disyorkan oleh Perdana Menteri, dipanggil untuk mencari jalan mengatasi kedudukan buntu dalam senarai anggota jawatankuasa pemuda, Dr Ling berkata: "Saya tidak mempunyai apa-apa untuk diulas".

Dr Ling juga ditanya sama ada jawatankuasa pusat pemuda yang telah digantung akan dikembalikan peranannya sebelum AGM pemuda, Dr Ling berkata: "Ya, ia sebahagian daripadanya".

Ditanya lanjut jika pergerakan pemuda apabila muncul dengan satu

senarai tunggal anggota jawatankuasa bermakna fungsi jawatankuasa pusat pemuda yang digantung akan dikembalikan, Dr Ling berkata: "Mari kita lihat syor-syor (oleh jawatankuasa tiga anggota itu).

Dr Ling juga berkata jawatankuasa sembilan anggota itu yang bertemu di Wisma MCA di sini, hari ini, juga memutuskan supaya anggota-anggota parti tidak membuat apa-apa ulasan mengenai isu senarai tunggal.

"Jawatankuasa itu telah meminta Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek (Pengerusi Jawatankuasa Disiplin MCA) untuk memanggil mereka yang berdegil (tidak mahu mematuhi) untuk menasihatkan mereka," katanya.

-- BERNAMA

AT AFY PR